

KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

INSIDEN KREN TUMBANG: SEMUA TAPAK PEMBINAAN DIGESA URUSKAN RISIKO KERJA PEMBINAAN DI MUSIM HUJAN LEBAT

KUALA LUMPUR (17 Disember 2023) – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) menggesa semua pemilik projek dan kontraktor untuk mengambil langkah lebih berjaga-jaga dalam memastikan keselamatan tapak pembinaan semasa musim tengkujuh yang kini melanda seluruh negara. Keadaan cuaca yang buruk dengan hujan lebat, ribut petir dan angin kencang sememangnya memberi risiko yang tinggi kepada keselamatan di tapak bina, dan ia juga kerap menyebabkan kerosakan jentera.

Di dalam kes kren tumbang dan menghalang landasan komuter pada Selasa lepas, siasatan awalan CIDB mendapati kren tersebut tumbang disebabkan air bertakung yang mengurangkan kekuatan tanah akibat hujan yang berterusan sejak 2 petang hari tersebut. Di dalam kes tersebut, CIDB telah mengeluarkan arahan berhenti kerja kepada tapak pembinaan tersebut, sementara siasatan dilaksanakan.

"Penjadualan kerja-kerja pembinaan perlu mengambil kira keadaan cuaca, supaya kerja-kerja yang berisiko tinggi dan melibatkan penggunaan jentera boleh dilaksanakan sebelum musim hujan," kata Ketua Eksekutif CIDB Malaysia Dato' Sr Mohd Zaid Zakaria.

Selain itu, sebarang kerja-kerja pembinaan berdekatan dengan kawasan trafik dan pengangkutan awam perlulah mematuhi garis panduan dan peraturan sedia ada.

CIDB telah membangunkan kod amalan berkaitan keselamatan dan kesihatan melalui penyediaan Standard Industri Pembinaan (CIS). Antara CIS yang boleh dirujuk berkaitan projek pembangunan kawasan pengangkutan awam khususnya landasan kereta api/tren/monorel adalah; CIS 28:2021 - Public and Road User Safety, Construction Working Adjacent to and Above Roadways. CIS ini disediakan bagi memudahkan pihak kontraktor yang merancang untuk menjalankan aktiviti pembinaan bersebelahan atau di atas jalan raya/pengangkutan awam sedia ada bagi mengelakkan berlakunya kemalangan kepada pengguna jalan raya atau orang awam. Senarai semak telah diperkenalkan untuk membantu kontraktor mengambil langkah sepatutnya sebelum aktiviti dilaksanakan, semasa pelaksanaan aktiviti dan setelah selesai aktiviti.

Sebagai panduan bagi membimbing penggiat industri pembinaan dalam aspek keselamatan di tapak bina, CIS 10: 2019 - Safety and Health Assessment System in Construction (SHASSIC) telah dibangunkan. CIS ini merupakan satu kaedah yang digunakan untuk menilai tahap keselamatan dan kesihatan di tapak pembinaan. Tujuan SHASSIC dibangunkan adalah untuk membimbing industri di dalam mentadbir keselamatan dan kesihatan pembinaan melalui penilaian yang berterusan. Penilaian ini melibatkan peringkat pengurusan hingga peringkat pekerja.

Bagi memastikan keselamatan di tapak bina senantiasa terjaga, kontraktor perlu menjalankan penilaian risiko dan prosedur kerja selamat terhadap kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan.

Mereka juga perlu sentiasa mengemaskini sistem prosedur kerja selamat dan membuat perancangan dan aturan kerja yang lebih baik, serta menyediakan latihan berterusan kepada pekerja bagi membudayakan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di tapak bina. Selain itu, pegawai keselamatan atau penyelia keselamatan hendaklah memeriksa keadaan tapak kerja/kerja-kerja yang berisiko secara berkala.

Kontraktor juga perlu memastikan operator kren mempunyai Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) yang dikeluarkan oleh CIDB serta perlu ditauliahkan oleh Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) sebagai Orang Yang Kompeten (OYK).

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cidb.gov.my atau hubungi CIDB Careline di talian 03-5567 3300.

Mengenai CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
